

uwm / 6453 / um / 30.08.2001 / p: 11 (6),

um 30/08/2001
11:16 uwm

Naib Canselor UUM nafi kaitkan JIM dengan KMM

KUALA LUMPUR 29 Ogos — Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Ahmad Fawzi Mohd. Basri menafikan beliau ada mengaitkan nama Jemaah Islah Malaysia (JIM) dengan kumpulan militan KMM.

Menurut Ahmad Fawzi, ketika dia membuat sidang akhbar pada 23 Ogos lalu, beliau tidak langsung menyebut nama JIM apa lagi mengaitkannya dengan kumpulan tersebut.

"Tetapi JIM sendiri telah mengakui dalam akhbar *The Star* pada 25 Ogos lalu yang mereka adalah penganjur seminar seperti yang dimaksudkan pada Oktober lalu.

"Justeru terserahlah kepada JIM sendiri untuk mengambil apa juga tindakan kerana UUM sendiri telah memberikan penjelasan," katanya pada *Utusan* di sini hari ini.

JIM dalam kenyataannya semalam mendakwa akan mengambil tindakan terhadap Ahmad Fawzi kerana beliau mengaitkan pertubuhan itu dengan kegiatan jihad secara kekerasan.

Menurut Presiden JIM, Dr. Mohamad Hatta Shahrarom, kenyataan Ahmad Fawzi pada 23 Ogos lalu menjejaskan nama baik dan reputasi JIM di kalangan masyarakat.

Tambah Ahmad Fawzi, beliau tidak menyalah tafsirkan atau memutarbelitkan isu berkenaan kerana pada sidang akhbar itu beliau cuma memetik satu kertas kerja yang menyentuh pergerakan dakwah Ikhwanul Muslimun oleh Imam al-Syahid Hassan al-Bana.